

CNS0535

R GB 20-1.0 00231 BA503

aab

PROJEX XERETA NASIONAL XEDUA HADAPI MASALAH, XATA PM

• Mahathir - Kereta

Daripada Azman Ujang

TOKYO, 20 Okt (Bernama) -- Pelaksanaan projek kereta nasional kedua Malaysia menghadapi beberapa masalah pengurusan dan pentadbiran tetapi ia boleh diselesaikan jika rakan kongsi Malaysia dalam projek itu bertolak ansur dalam soal penguasaan pengurusannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia di sinibahawa Daihatsu, rakan kongsi dari Jepun yang memiliki kira-kira 30 peratus saham dalam projek itu, telah memberitahunya mengenai masalah pengurusan yang dihadapi mereka dengan rakan-rakan kongsi mereka di Malaysia.

Projek itu akan mengeluarkan kereta kecil dengan kuasa enjin 660 cc.

Ketika ditanya mengenai masalah pengurusan yang dibangkitkan oleh Daihatsu dalam perjumpaannya dengan Pengerusi syarikat itu, J. Osuga, di sini semalam, Dr Mahathir berkata ia melibatkan penguasaan pengurusan projek itu.

Pada Julailalu, Daihatsu Motor of Japan dan rakan kongsi tempatannya, Med-Bumikar Mara mengambil tindakan untuk menguasai pengurusan syarikat baru itu. Rakan kongsi tempatan lain ialah Permodalan Nasional Bhd dan UMW Holdings Bhd.

Dr Mahathir berkata, pihak rakan kongsi Malaysia tidak seharusnya menumpukan semata-mata kepada aspek penguasaan pengurusan pada peringkat awal tanpa mengambil kira aspek-aspek lain.

+Pada pandangan saya, di peringkat awal kita belajar dulu. Kalau kita dah cekap besok kita nak ambil alih, bolehlah kita ambil alih, + tambah beliau. -- Lagi.

▼20/10/11-43MST

CNS0536

R GB 20-10' 00164 BA504

aab

Mahathir - Kereta 2 Tokyo

Dr Mahathir mahu rakan-rakan kongsi Malaysia dalam projek itu belajar daripada pengalaman Proton, pengeluar kereta nasional pertama Malaysia di peringkat awal dahulu, supaya masalah yang dihadapi Proton tidak berulang.

+Umpamanya di Proton dulu, kita tidak memberi sebarang tempat kepada pihak Jepun (Mitsubishi Motors Corporation) sehingga mereka tidak boleh hadir mesyuarat lembaga ataupun apabila taklimat diberi kepadanya.

+Pengurus-pengurus Jepun tidak boleh hadir sama sekali. Oleh sebab itulah Proton ketika itu tidak dapat kemajuan, bahkan kita rugi besar, + katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, Malaysia membawa masuk pengurusan Jepun dari Mitsubishi Motors tanpa mengetepikan pengurus-pengurus Malaysia sendiri. Dengan itu, pengurusan Proton bertambah baik dan syarikat itu kini meraih keuntungan,

Dr Mahathir yang mengilhamkan projek kereta nasional pertama Malaysia, Proton Saga, berkata apabila Pengarah Urusan Proton dari Jepun sekarang ini, Encik Mitsuo Hattori bersara atau balik ke Jepun nanti, pengurusan Proton akan diambil alih oleh rakyat Malaysia. -- Lagi.

▼20/10/11-44MST

CNS0537

R GB 20-10 00139 BA505

aab

Mahathir - Xereta 3 Tokyo

+Tetapi orang kita yang mengambilalih ini, sudahpun tahu cara-cara bekerj a dan pengurusan Proton, + katanya.

Megdnai projek kereta kedua pula, Dr Mahathir berkata, sungguhpun pengurusan Malaysia dalam projek i tumungkin tahu mengetahui industri kereta tetapi Malaysia masih perlu kepada orang Jepun untuk belajar cara-cara mengeluarkan kereta atau mengurangkan kos pengeluaran.

+Walaupun orang Jepun mungkin tidak diberi kuasa penuh sebagai Pengarah Urusan sekalipun, orang Malaysia harus sanggup menerima pandangan orang yang lebih mengetahui,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, dunia mengiktiraf keunggulan Jepun dalam industri kereta.

+Jerman Barat pun kini 'mengakui mereka tidak boleh bersaing dengan' Jepun dari segi kualiti. Jadi kita di Malaysia tidak harus langsung bersikap bongkak dan memikirkan kita sudah tahu dan tak payah siapa ajar kita,+ kata Dr Mahathir . --Lagi.

▼20/10/11-47MST

CNS0550

R GB 20-10 00170 BA509

aab

Mahathir - Xereta 4 Tokyo

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kecuali masalah itu, aspek-aspek lain projek itu berjalan mengikut jadual dan kereta pertamanya dijangka dapat dikeluarkan pada suku ketiga tahun 1994.

+Jadi kita ada hanya 1.8 bulan sahaja untuk mendirikan 'kilang, menyiapkan segala alat dan mengeluarkan kereta. Tni bukan perkara mudah,+ kata beliau.

Beliau menegaskan lagi: +Bukan mudah perkara ini. Jika kita tidak ambil orang Jepun langsung dan kita buat sendiri, sehingga 10 tahun pun kita tak boleh siap.+

Projek kereta kedua itu akan bermula di satu tapak seluas 640 hektar di Serendah, Hulu Selangor, akhir tahun ini. Modal minimum yang dianggarkan untuk projek itu ialah 25,000 juta yen (100 yen bersamaan M\$2).

Kilang itu dijadual mengeluarkan 15,000 unit pada tahun pertama operasinya.

Mengenai Proton, beliau berkata walaupun pengurusan Malaysia sendiri bakal mengambilalih pengurusannya nanti, Malaysia tidak boleh mengetepikan samasekali orang Jepun memandangkan pengetahuan mereka dan juga industri kereka bukan merupakan industri statik.-- Lagi.

▼20/10/12-14MST

CNS0552

R GB 20-10 00131BA510

aab

Mahathir - Kereta 5 Tokyo

+Industri kereta maju sepanjang masa. Kereta yang moden hari ini, esok sudah ketinggalan zaman. Jadi kalau kita putus hubungan dengan Jepun dan tidak mampu membuat penyelidikan yang mendalam kerana kosnya yang tinggi, maka kita akan mengeluarkan kereta yang ketinggalan zaman dan tidak akan laku,+ kata Perdana Menteri.

Apabila ditanya bila rakyat Malaysia sendiri boleh mengambilalih pengurusan Proton, beliau berkata mungkin ini boleh berlaku dalam tempoh kurang daripada lima tahun lagi, tetapi masanya belum ditentukan.

+Kita selalunya fikir nak buat sendiri dan tidak mahu belajar daripada orang lain. Kalau kita berfikir begitu, kita tak boleh maju,+ tambah beliau.

+Saya sebagai seorang doktor sentiasa sanggup mempelajari daripada orang lain untuk maju,+ katanya. -- Bernama.

▼20/10/12-1 5MST ,